

**PENGUNAAN KATA NAFI *BUKAN* DAN *TIDAK*:
SUMBANGAN DATA KORPUS BERKOMPUTER.**

MOHD RAZAK BIN MOHD NORDIN

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2007**

**PENGGUNAAN KATA NAFI *BUKAN* DAN *TIDAK*:
SUMBANGAN DATA KORPUS BERKOMPUTER.**

MOHD RAZAK BIN MOHD NORDIN

**PROJEK SARJANA DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

**FAKULTI BAHASA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2007

PENGAKUAN

Saya mengaku karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

10 OKTOBER 2007

.....
MOHD RAZAK BIN MOHD NORDIN
M20041000175

PENGHARGAAN

Alhamdulillah. Saya bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan rahmat dan limpah kurnia-Nya saya dapat menyempurnakan kertas projek ini. Selawat dan salam kepada junjungan kita Nabi Besar Muhammad SAW, keluarga, para sahabat dan pengikutnya.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih dan rasa terhutang budi yang tidak ternilai harganya kepada En. Abdullah b. Yusof, Ketua Jabatan Bahasa Melayu selaku penyelia Kertas Projek ini atas penglibatan beliau secara bersungguh-sungguh dan berdedikasi dalam mencurahkan bimbingan, nasihat dan teguran sepanjang kajian ini dilakukan.

Ribuan terima kasih juga kepada Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) serta pegawai-pegawainya di Bahagian Penyelidikan, Jabatan Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka kerana membenarkan saya menggunakan semua kemudahan untuk mendapatkan data korpus berkomputer. Terima kasih juga kepada semua pegawai dan kakitangan Perpustakaan UKM, UM, dan UPSI atas komitmen mereka semasa saya mengumpul bahan bacaan untuk kajian ini.

Buat keluarga tercinta, khususnya isteriku Hajah. Masitah bt. Ahmad yang banyak berkorban, terima kasih atas segala-galanya. Penghargaan juga buat ayahanda dan bonda tercinta atas doa dan restu mereka. Tidak ketinggalan juga kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan kajian ini yang tidak tercatat nama mereka di sini. Semoga semua sumbangan dan usaha ini akan diterima Allah sebagai amal soleh.

10 OKTOBER 2007

MOHD RAZAK BIN MOHD NORDIN
Sarjana Pendidikan Bahasa Melayu
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Tanjung Malim.

ABSTRAK

Sumbangan besar bahasa Melayu pada masa kini telah mencapai ke tahap serba boleh dan sesuai untuk semua situasi dan boleh pula berubah-ubah penggunaannya mengikut keadaan dan keperluan. Kita harus menerima hakikat bahawa bahasa Melayu adalah bahasa ilmiah yang boleh digunakan untuk memperkatakan bermacam-macam bidang ilmu. Bahasa Melayu mempunyai beberapa cabang ilmu yang mementingkan kaedah saintifik. Morfologi merupakan salah satu bidang ilmu yang penting dalam bahasa Melayu. Justeru, kajian ini membincangkan kewibawaan korpus bahasa sebagai manifestasi kaedah saintifik dalam penghuraian nahu dalam bahasa Melayu. Kajian ini akan menganalisis data dari korpus berkomputer Dewan Bahasa dan Pustaka untuk melihat dan menghuraikan gelagat sebenar penggunaan kata nafi *bukan* dan *tidak* dalam kalangan masyarakat sekarang. Secara umumnya, penahu-penahu bahasa Melayu telah meletakkan kata nafi *bukan* untuk menafikan frasa nama dan frasa sendi nama, manakala kata nafi *tidak* digunakan untuk menafikan frasa kerja dan frasa adjektif. Bagaimanapun, berdasarkan data korpus berkomputer didapati bahawa kata nafi *bukan* tidak hanya menafikan frasa nama dan frasa sendi nama, malah turut menghasilkan pelbagai pola frasa seperti frasa kerja dan frasa adjektif. Begitu juga dengan kata nafi *tidak*. Kajian ini menghasilkan beberapa dapatan baharu yang menunjukkan penggunaan kata nafi yang telah diguna pakai oleh masyarakat adalah bersesuaian dalam konteks ayat tanpa menjejaskan maksud yang ingin disampaikan. Dapatan baharu tersebut adalah berbeza dalam buku nahu pegangan kini iaitu Tatabahasa Dewan.

ABSTRACT

The vast contribution of Bahasa Melayu today has achieved the status of being multi purpose suitable for all situations and can adapt to changes according to occasions and requirements. We have to acknowledge the fact that Bahasa Melayu is the language of knowledge. Bahasa Melayu possesses the various forms which stresses the importance of scientific method. Morphology is one of the important studies in Bahasa Melayu. Hence, this study discusses the authenticity of the language corpus as the manifestation of the scientific method in describing the grammar of Bahasa Melayu. This study will analyze the data from the computerized corpus of Dewan Bahasa dan Pustaka to observe and describe the actual usage of the negative '*bukan*' and '*tidak*' among today's society. Generally, the grammarians of Bahasa Melayu placed the negative '*bukan*' to negate the nominal phrase and the prepositional phrase where as the negative '*tidak*' is being used to negate the verbal phrase and adjectival phrase. However, based on the data of computerized corpus, it is found that the negative word '*bukan*' not only negate the nominal phrase and the adjectival phrase. The same is also true of the negative word '*tidak*'. This study produces new finding which shows that the usage of the negative word by the society is suitable in the context of the sentence without affecting the meaning as intended. This new finding is different from the present applied grammar book that is the Tatabahasa Dewan.

KANDUNGAN

	Muka Surat
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	3
1.2 Skop Projek	5
1.3 Objektif Kajian	5
1.4 Permasalahan Kajian	6
1.5 Rasional Kajian	7
1.6 Kepentingan Kajian	9
1.7 Definisi Konsep	9
1.7.1 Perbandingan	10
1.7.2 Data Korpus	10
1.7.3 Konkordans	13
1.7.4 KWIC	14

1.7.5	Kata Nafi	14
1.7.6	Bukan	15
1.7.7	Tidak	15
1.7.8	Morfologi	16
BAB 2 SOROTAN LITERATUR		
2.1	Pengenalan	17
2.2	Konsep dan Huraian Tentang Kata Nafi	18
2.2.1	Huraian Nik Safiah Karim <i>et. al.</i>	18
2.2.2	Huraian Za’ba	20
2.2.3	Huraian Asmah Hj. Omar	20
2.2.4	Huraian Abdullah Hassan	21
2.2.5	Huraian Hashim Musa	22
2.2.6	Huraian Lutfi Abas	22
2.2.7	Huraian Darwis Harahap	23
2.2.8	Huraian A. W. Hamilton	24
2.2.9	Huraian Colloquial Malay	25
2.3	Kesimpulan	26
BAB 3 METODOLOGI		
3.1	Pengenalan	27
3.2	Pengumpulan Data	27
3.3	Pemilihan Data Korpus	28

3.4	Penjanaan Data Korpus	29
3.5	Analisis Data Korpus	36
3.6	Kesimpulan	36

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	37
4.2	Analisis Kekekrapan Kata Nafi <i>Bukan</i> dan <i>Tidak</i> Dalam Data Korpus	38
4.3	Perbandingan Dapatan Baharu Dengan Tatabahasa Dewan	41
4.4	Analisis Kata Nafi	41
4.4.1	Penggunaan Kata Nafi <i>Bukan</i> Menurut Tatabahasa Dewan	41
4.4.2	Contoh Kata Nafi <i>Bukan</i> Yang Terdapat Dalam Data Korpus Berkomputer	42
4.4.3	Penggunaan Kata Nafi <i>Tidak</i> Menurut Tatabahasa Dewan	44
4.4.4	Contoh Kata Nafi <i>Tidak</i> Yang Terdapat Dalam Data Korpus Berkomputer	45
4.5	Analisis Kata Nafi <i>Bukan</i>	46
4.5.1	Penggunaan Kata Nafi <i>Bukan</i> Dalam Data Korpus Yang Berbeza Dengan Tatabahasa Dewan	46
4.5.2	<i>Bukan</i> hadir di hadapan Frasa Kerja	47

4.5.3	<i>Bukan</i> hadir di hadapan Frasa Adjektif	51
4.5.4	<i>Bukan</i> hadir di hadapan Kata Bilangan	54
4.5.5	<i>Bukan</i> hadir di hadapan Tanda Soal	57
4.5.6	<i>Bukan</i> hadir di hadapan Kata Tanya	60
4.5.7	<i>Bukan</i> hadir di hadapan Kata Keterangan	62
4.6	Analisis Kata Nafi <i>Tidak</i>	65
4.6.1	Penggunaan Kata Nafi <i>Tidak</i> Dalam Data Korpus Yang Berbeza Dengan Tatabahasa Dewan	65
4.6.2	<i>Tidak</i> hadir di hadapan Frasa Nama	66
4.6.3	<i>Tidak</i> hadir di hadapan Frasa Sendi Nama	69
4.6.4	<i>Tidak</i> hadir di hadapan Kata Bilangan	72
4.6.5	<i>Tidak</i> hadir di hadapan Tanda Soal	74
4.6.6	<i>Tidak</i> hadir di hadapan Kata Tanya	77
4.6.7	<i>Tidak</i> hadir di hadapan Kata Keterangan	79
4.7	Kesimpulan	82

BAB 5 PENUTUP

5.1	Pengenalan	84
5.2	Kesesuaian Metodologi Kajian	84
5.3	Dapatan Kajian	85
5.4	Implikasi dalam Pendidikan	86
5.5	Kesimpulan	87

RUJUKAN	88
----------------	----

LAMPIRAN	89
-----------------	----

- A. Tatacara Penggunaan Data Korpus
- B. Data Korpus Berkomputer (Bukan) Dalam Bentuk Konkordans
- C. Data Korpus Berkomputer (Tidak) Dalam Bentuk Konkordans
- D. Data Korpus Berkomputer (Bukan dan Tidak) Dalam Bentuk
Ayat dan Perenggan
- E. Surat Kebenaran Merujuk Bahan di Dewan Bahasa dan Pustaka

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Halaman
Jadual 1	Bentuk dan Jumlah Kekerapan Penggunaan Kata Nafi <i>Bukan</i> dalam Data Korpus bagi Akhbar Berita Harian 2006	39
Jadual 2	Bentuk dan Jumlah Kekerapan Penggunaan Kata Nafi <i>Tidak</i> dalam Data Korpus bagi Akhbar Berita Harian 2006	40

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Halaman
Rajah 1	Senarai Korpus	30
Rajah 2	Memilih Subkorpus	31
Rajah 3	Memilih Perkataan Yang Dikehendaki	32
Rajah 4	Baris Konkordans Perkataan Yang Dicari	33
Rajah 5	Mengisih Baris Konkordans	34
Rajah 6	Pengisihan Korpus Selepas Kata Kunci	35

SENARAI SINGKATAN

BM	-	Bahasa Melayu
DBP	-	Dewan Bahasa dan Pustaka
FN	-	Frasa Nama
ICT	-	Information Technology
KWIC	-	Key Word In Context
Nf	-	Nafi
NSTP	-	New Straits Times Press
USM	-	Universiti Sains Malaysia

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Tiga dekad kebelakangan ini telah menyaksikan pembinaan bahasa Melayu yang amat pesat. Malah sering disebut-sebut bahawa perkembangan dan kemajuan yang berlaku pada bahasa Melayu adalah pada tahap fenomenal, yang belum pernah dialami oleh mana-mana bahasa (natural) yang lain. Sejak bahasa Melayu termaktub dalam Perkara 152 Perlembagaan Malaysia, dan Akta Bahasa Kebangsaan 1963 (semakan 1967) sebagai bahasa kebangsaan (nasional) dan bahasa rasmi negara Malaysia, maka peranan Bahasa Melayu semakin terserlah sejajar dengan kemajuan negara. Kedudukan Bahasa Melayu semakin kukuh dengan adanya Akta Bahasa Kebangsaan 1967 yang menekankan aspek penggunaan bahasa Melayu dalam semua urusan rasmi. Menurut Hassan Ahmad (1979:12), berikutan dengan itu bahasa Melayu telah digunakan dengan sepenuhnya dalam pentadbiran negara, pendidikan daripada peringkat rendah hingga ke peringkat universiti, dalam komunikasi seharian, dalam semua urusan dan kegiatan awam, ekonomi, dan perdagangan di negara ini. Kini, bahasa Melayu telah terbukti kejayaannya sebagai

wahana budaya ilmu dan kecendekiaan, iaitu bukan sahaja mampu membicarakan bidang yang bersifat cendekia, bahkan juga berjaya menjadi penyampai ilmu sains dan teknologi.

Dalam era globalisasi masa kini, bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar semakin mencabar. Kita semua perlu positif dan yakin terhadap kemampuan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. Menurut Nik Safiah Karim dan Awang Sariyan (1995). “Bahasa Melayu sudah mencapai kedudukan yang tinggi sebagai bahasa moden, iaitu sebagai bahasa ilmiah, bahasa kebudayaan dan kesusasteraan yang bermutu tinggi”. Bahasa Melayu mampu membicarakan pelbagai bidang ilmu termasuklah bidang sains dan teknologi. Menurut Nik Safiah Karim dan Awang Sariyan (1995) lagi, “Apabila sikap kita positif dan kita semua yakin, maka perjuangan menegakkan bahasa kita tetap akan berjaya. Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu akan tetap mantap dan kukuh”. Dalam era globalisasi ini, bahasa Melayu berkembang maju dengan perkembangan ICT yang sedang memuncak.

Menyedari hakikat bahawa era kemajuan ICT yang sedang memuncak, penyelidik telah memanfaatkan kemajuan teknologi komputer untuk mengkaji data dengan menggunakan data korpus berkomputer. Data korpus berkomputer sangat sesuai untuk dijadikan data penyelidikan linguistik sama ada untuk linguistik tulen (seperti morfologi dan semantik) mahupun linguistik terapan (seperti leksikografi dan pengajaran bahasa). Perihal betapa pentingnya korpus berkomputer terhadap ilmu linguistik dapat dilihat melalui pendapat **Sinclair** iaitu beliau berpendapat bahawa linguistik abad ke-20 merupakan linguistik ketandusan bukti. Katanya, pendekatan ahli linguistik teoritis cenderung membuat ramalan melulu tanpa bukti korpus (dalam Noresah Baharom 1986).

Memandangkan kemajuan teknologi komputer masa kini amat penting, bidang bahasa atau linguistik juga memerlukan komputer terutama untuk memproses dan menganalisis data. Data untuk kajian bahasa atau linguistik tidak lagi terhad kepada data lapangan ataupun data teks berbentuk buku. Kini, teks yang berbentuk digital membolehkan seseorang penyelidik linguistik memproses data korpus dengan lebih pantas.

Sehubungan dengan itu, Dewan Bahasa dan Pustaka di bawah unit pusat penyelidikan dan perkembangan bahasa telah mengorak langkah menjadi pusat pangkalan data korpus berkomputer. Melalui pusat pangkalan data dan korpus berkomputer, pengkajian mengenai semantik, morfologi dan sintaksis boleh dijalankan melalui pencarian perkataan dengan menggunakan data korpus yang berpusat di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Kuala Lumpur. Bagi tujuan penyelidikan ini, penyelidik telah menggunakan data korpus berkomputer yang disediakan oleh Bahagian Penyelidikan, Jabatan Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka untuk mengkaji penggunaan Kata Nafi *bukan* dan *tidak*. Melalui data korpus berkomputer tersebut, data-data dapat diproses dengan cepat berbanding data teks yang berbentuk buku.

1.1 Latar Belakang Kajian

Tajuk yang dipilih ialah 'Penggunaan Kata Nafi *Bukan* dan *Tidak*: Sumbangan Data Korpus Berkomputer', kertas projek ini akan memberi tumpuan kepada kajian data korpus berkomputer untuk mendapat dapatan baharu dan membandingkan penggunaan

kata nafi *bukan* dan *tidak* dalam penggunaannya yang disarankan oleh buku Tatabahasa Dewan.

Kajian ini akan menumpukan bidang morfologi yang mengkaji penggunaan kata nafi *bukan* dan *tidak*. Menurut Asmah (1986:141) kata nafi ialah kata yang menidak atau meniadakan sesuatu. Kata nafi ini merupakan antara kata bantu yang sukar dibezakan penggunaannya dalam ayat. Kesukaran untuk membezakannya, menyebabkan sesetengah penutur menganggap kata nafi *bukan* dan *tidak* membawa maksud yang sinonim dan boleh digunakan dalam konteks ayat yang membawa maksud yang sama.

Sehubungan itu, masih lagi wujud kekeliruan dalam penggunaan kedua-dua kata nafi ini. Justeru, kajian ini akan cuba memperoleh dapatan baharu yang dengan melihat senarai contoh penggunaan ayat yang banyak diguna pakai oleh masyarakat melalui pangkalan data korpus berkomputer. Kajian ini menggunakan akhbar Berita Harian dalam data korpus pada tahun 2006. Senarai yang mengikut kehendak Tatabahasa Dewan juga akan disenaraikan. Pada masa yang sama, kajian ini juga membuat perbandingan serta menyenaraikan penggunaan kata nafi yang berlainan dengan Tatabahasa Dewan.

Kajian ini akan membandingkan penggunaan kata nafi yang berbeza dengan peraturan bahasa yang terdapat di dalam buku Tatabahasa Dewan. Walau bagaimanapun, kajian ini bukan mempertikaikan pandangan Tatabahasa Dewan tetapi untuk menunjukkan penggunaan kata nafi bukan sahaja terhad di hadapan frasa tertentu sahaja. Malah, kajian ini bertujuan melihat perluasan penggunaannya dalam kalangan masyarakat.

1.2 Skop Projek

Skop projek ini akan menumpukan bidang morfologi yakni bidang ilmu bahasa yang mengkaji tentang struktur, bentuk dan penggolongan kata. Bidang morfologi yang bakal dikaji ini merupakan salah satu bidang yang berkaitan dengan pendidikan Bahasa Melayu. Kertas projek ini hanya mengkaji kata nafi sahaja iaitu *bukan* dan *tidak*. Kajian ini juga hanya menumpukan kajian mengenai penggunaan kedua-dua kata nafi ini dalam akhbar yang dipilih dalam pangkalan data korpus. Analisis dan perbandingan akan dilakukan dengan melihat penggunaannya menurut pendapat ahli bahasa yakni dalam Tatabahasa Dewan. Perbandingan akan dilakukan kerana terdapat beberapa dapatan lain yang menunjukkan penggunaan kata nafi yang bertepatan dalam ayat. Dapatan baharu ini menunjukkan bentuk penggunaan kata nafi sebenar yang telah digunakan oleh masyarakat pada masa ini.

1.3 Objektif Kajian

Antara objektif kajian ini ialah:

- i. Menganalisis dan mengkaji perbezaan penggunaan kata nafi *bukan* dan *tidak* serta membandingkan dapatan baharu yang diperolehi berbanding Tatabahasa Dewan.
- ii. Mengkaji hasil dapatan kajian untuk melihat keberkesanannya dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu.
- iii. Menjadikan kajian bidang morfologi lebih menarik dengan berbantuan penggunaan data korpus berkomputer.

1.4 Permasalahan Kajian

Data korpus berkomputer sebenarnya bukanlah merupakan sesuatu yang baharu dalam arus perkembangan teknologi pada masa kini. Walau bagaimanapun penggunaan data korpus berkomputer ini masih dianggap baharu oleh masyarakat negara kita malahan segelintir masyarakat masih lagi tidak mengetahui kewujudan teknologi ini.

Lantaran itu, bagi memastikan masyarakat didedahkan dengan penggunaan data korpus berkomputer ini, guru terutamanya guru bahasa Melayu perlu memainkan peranan yang penting. Dalam hal ini, guru perlu mengaplikasikan penggunaannya supaya bentuk proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu lebih menarik serta tidak membosankan pelajar. Penggunaan data korpus sebagai sumber mendapatkan bahan boleh dijadikan sebagai salah satu kemahiran bernilai tambah dalam teknologi maklumat (ICT).

Sehubungan itu, kajian ini akan cuba mendedahkan manfaat penggunaan data korpus berkomputer. Selain daripada aspek morfologi yang dikaji oleh pengkaji, data korpus juga banyak memberi faedah serta memudahkan dalam kajian semantik. Pelbagai makna baharu berdasarkan konteks ayat akan ditemui dalam pencarian perkataan melalui data korpus berkomputer.

Walaupun bagaimanapun, dalam kajian ini aspek morfologi akan diketengahkan dengan melihat kajian perbandingan penggunaan kata nafi dalam Tatabahasa Dewan dengan data korpus. Dapatan baharu yang diperoleh menunjukkan penggunaan kata nafi yang lazim diguna pakai oleh masyarakat yakni berbeza dengan saranan Tatabahasa Dewan. Namun demikian, pengkaji bukan mempertikaikan hukum tatabahasa yang

digariskan oleh Tatabahasa Dewan tetapi pengkaji ingin melihat dapatan lain yang tidak membataskan penggunaan kata nafi.

Selain itu, kajian ini cuba mengkaji permasalahan kerana terdapatnya pertikaian antara ahli bahasa mengenai kewujudan kata nafi. Maknanya di sini, kajian ini cuba melihat sejauh mana kewujudan penggunaan kata nafi, sama ada hadir di hadapan kata, frasa atau ayat.

1.5 Rasional Kajian

Kajian mengenai data korpus berkomputer merupakan bidang yang masih baharu di Malaysia dan belum banyak dilakukan di negara kita. Ekoran itu, bidang ini memerlukan kajian yang lebih banyak bagi memastikan bidang bahasa di negara kita tidak ketinggalan berbanding dengan negara maju lain di dunia.

Setiap kajian mempunyai rasionalnya sendiri. Antara rasional utama kajian ini ialah dapat memberi manfaat dalam bidang pengajaran Bahasa Melayu. Pada masa sekarang sistem pendidikan banyak mengalami transformasi dalam pelbagai bidang. Hal ini memerlukan mata pelajaran Bahasa Melayu mengalami revolusi terutama dalam pendekatan pengajarannya. Berdasarkan kajian ini, didapati bidang morfologi akan lebih mudah difahami melalui penggunaan data korpus berkomputer. Hal ini sudah tentu memberi manfaat dalam pengajaran Bahasa Melayu.

Melalui kajian data korpus berkomputer ini, guru sendiri boleh mencari pelbagai makna bagi sesuatu perkataan atau istilah. Melalui kajian ini guru akan dapat didedahkan perbezaan yang jelas mengenai penggunaan kata nafi dalam ayat.

Data korpus berkomputer juga masih baharu di negara kita dan memerlukan pendedahan yang lebih mendalam terutama terhadap individu yang berkait langsung dalam bidang bahasa Melayu. Hal ini termasuklah guru bahasa Melayu, pelajar sekolah mahupun individu yang berminat dalam bidang bahasa ini. Lantaran itu, kajian ini perlu dilakukan untuk memberi pendedahan kepada pihak tertentu yang masih kabur dalam bidang data korpus berkomputer ini.

Di samping itu, kajian ini dijalankan untuk melihat kewujudan perbezaan penggunaan kata nafi *bukan* dan *tidak* kerana contoh ayat kurang berpada dalam memerikan maksud ayat di dalam Tatabahasa Dewan. Melalui kajian ini, analisis perbezaan penggunaannya dalam konteks ayat dapat dilihat dengan lebih dekat berdasarkan analisis terhadap data-data mentah yang diperoleh nanti.

Selain itu, kajian ini cuba untuk menunjukkan bahawa penggunaan kata nafi amat meluas dalam penggunaan seharian. Malah, kajian ini cuba untuk menyenaraikan beberapa dapatan baharu yang menunjukkan bahawa penggunaan kata nafi *bukan*, bukan sahaja dapat berhadapan dengan frasa nama dan frasa sendi nama tetapi juga dengan pelbagai frasa lain seperti frasa kerja dan frasa adjektif. Begitu juga dengan kata nafi *tidak*, bukan sahaja digunakan apabila berhadapan dengan frasa kerja dan frasa adjektif tetapi juga dengan frasa lain seperti frasa nama dan sendi nama. Dapatan baharu ini menunjukkan bahawa penggunaan kata nafi ini tidak terbatas digunakan dalam kalangan masyarakat.

1.6 Kepentingan Kajian

Dapatan kajian yang dijalankan oleh pengkaji diharapkan dapat memberi sumbangan terhadap masyarakat dan juga bidang bahasa. Kajian ini juga dilihat dapat memberi sumbangan yang berfaedah kepada bidang pendidikan bahasa Melayu secara keseluruhannya.

Melalui kajian ini, pengguna bahasa Melayu akan mendapat pendedahan yang lebih luas dalam penggunaan kata nafi di samping panduan yang diberikan dalam Tatabahasa Dewan. Pada masa yang sama, kajian ini sudah pasti akan dapat memberi sumbangan yang besar dalam pendidikan bahasa Melayu. Ilmu dan pengetahuan yang diperoleh dalam kajian ini akan dapat diaplikasikan melalui proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu kelak.

Di samping itu, kajian ini akan membuktikan bahawa bahasa Melayu sentiasa mengalami revolusi kerana pengajaran dan pembelajarannya tidak terhad kepada rujukan Tatabahasa Dewan semata-mata terutamanya dalam mengenal pasti penggunaan kata nafi yang tepat dalam konteks ayat.

1.7 Definisi Konsep

Bahagian ini akan membincangkan mengenai konsep dan definisi mengenai beberapa perkataan yang berkait langsung dalam kajian ini. Dengan kata lain, bahagian ini akan menyenaraikan beberapa definisi operasional. Fokus utama dengan merujuk kepada Tatabahasa Dewan Edisi Baharu (2004: 249-250) untuk mengkaji konsep dan definisi mengenai kata nafi.

1.7.1 Perbandingan

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007:120), perbandingan bermaksud imbangan, perimbangan dan persamaan. Daripada segi konsepnya perbandingan merangkumi sesuatu perkara yang mempunyai persamaan dan juga perbezaan. Dalam kajian ini, sesuatu yang berbeza daripada kebiasaan iaitu yang terdapat dalam Tatabahasa Dewan merupakan dapatan baharu yang diperoleh pengkaji.

1.7.2 Data Korpus

Korpus bermaksud himpunan makalah (tulisan) mengenai sesuatu perkataan tertentu atau kumpulan bahan untuk kajian (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2007:824). Menurut Kamus Linguistik (1997:141) pula, korpus bermaksud data mentah linguistik yang dikutip daripada kerja lapangan atau teks bertulis dan dianalisis untuk membuat pernyataan saintifik tentang ciri fonologi, tatabahasa atau leksikal sesuatu bahan.

Menurut Renouf, A., (1988: 1) korpus merujuk kepada himpunan teks, sama ada berbentuk tulisan atau lisan dan diproses di dalam komputer untuk tujuan penyelidikan linguistik. Korpus disimpulkan sebagai koleksi bahan teks yang bercirikan pemberatan tertentu yang mewakili sebilangan besar teks sesuatu bahasa, dialek atau subset sesuatu bahasa yang digunakan untuk analisis linguistik. Korpus mempunyai pemberatan tersendiri, misalnya pemberatan korpus COBUILD (Pangkalan Data Bahasa Antara Bangsa, Penerbit Collins dan University Birmingham) seperti berikut: